

04 MAY 1999

Abdullah-jawatan

PAK LAH TIDAK TERGESA-GESA SANDANG JAWATAN TERTINGGI

BANGI, 4 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata bahawa beliau tidak tergesa-gesa menyandang jawatan perdana menteri kerana apa yang paling penting baginya ialah melaksanakan tugas jawatannya sekarang.

Timbalan perdana menteri berkata beliau berasa gembira untuk bekerja dan menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

"Saya tidak tergesa-gesa untuk menyandang jawatan tertinggi itu... itu terserah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya semasa menjawab soalan sama ada beliau bersedia atau tidak menyandang jawatan perdana menteri.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan penutupan persidangan dua hari Pegawai-pegawai Daerah di sini.

Dr Mahathir memberitahu pemberita di Alor Star pada Ahad lepas bahawa beliau akan menyerahkan jawatan perdana menteri kepada timbalannya selepas pilihan raya umum akan datang apabila Abdullah telah bersedia.

Abdullah, yang menyandang jawatan timbalan perdana menteri pada Januari lepas, berkata beliau berasa bangga untuk berkhidmat di bawah perdana menteri yang merupakan pemimpin yang baik, berdedikasi dan bekerja keras walaupun Dr Mahathir kadang kala disalahanggap oleh mereka yang tidak memahami caranya melakukan sesuatu.

Abdullah, yang juga menjalankan tugas-tugas timbalan presiden Umno, dilantik ke jawatan itu bagi menggantikan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat dari Umno dan dilucutkan dari kabinet Dr Mahathir pada September lepas.

Anwar, 51, dijatuhi hukuman penjara enam tahun selepas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 14 April lepas mendapati beliau bersalah terhadap empat pertuduhan rasuah kerana menyalahgunakan kuasa.

Abdullah berkata: "Bagi saya, yang bekerja dan dekat dengan beliau (Dr Mahathir) serta terlibat dalam banyak mesyuarat dan berbincang perkara-perkara berkaitan negara khususnya usaha memulihkan ekonomi, beliau sangat komited untuk menjayakan semua usaha itu," katanya.

Beliau juga merasa gembira kerana dapat melaksanakan banyak kerja kerana ia memberi peluang kepadanya untuk menyumbang dalam memajukan negara untuk memberi faedah kepada kemajuan rakyat.

"Saya suka bekerja keras... banyak perkara yang perlu dilakukan.

"Yang saya nampak di depan saya ialah timbunan fail kerja yang mesti dilihat, dibaca dan dibereskan," katanya.

Abdullah berkata selain kerja di pejabat, beliau juga perlu membuat lawatan di banyak tempat seperti ke daerah-daerah bagi meninjau pelaksanaan projek-projek di peringkat daerah.

Abdullah berkata beliau ingin menjadi seorang timbalan perdana menteri yang cekap menjalankan kerja kerana itu adalah tugas yang telah diserahkan kepadanya.

"Walaupun dulu saya jadi menteri, saya mahu menjadi menteri yang cekap dan itu cara saya," katanya.

Abdullah berkata sebagai timbalan perdana menteri, tidak ada visi lain baginya selain mencapai Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir dan yang diterima oleh rakyat.

"Bagi saya, tidak perlu ada visi lain kerana yang penting ialah mewujudkan satu pentadbiran yang cekap, dinamik dan tidak ada rasuah... ini penting dan yang nak dicapai bagi melahirkan Malaysia sebagai sebuah negara

maju dan rakyatnya bahagia," katanya.

Mengenai lawatannya ke daerah-daerah, beliau berkata ia akan diadakan secepat mungkin bagi membolehkannya memerhati status projek untuk dilaksanakan.

"Kalau ada masalah, kita cuba selesaikan supaya projek-projek itu dapat dilaksanakan mengikut jadual," katanya.

Ketika berucap pada majlis itu, Abdullah meminta semua pegawai daerah supaya mengikuti manual prosidur kerja dan fail meja yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi pelaksanaan kerja yang lebih cekap.

Menurutnya kerja mengikut manual prosidur itu masih relevan dalam pelaksanaan kerja cuma kemungkinan ia berlainan daripada segi pelaksanaan jenis projek pada waktu ini.

Beliau bimbang jika manual itu diketepikan atau dilupakan kerana generasi pada waktu manual itu diperkenalkan, sudah pencen atau menjawat jawatan yang lebih tinggi.

"Saya nyatakan kepada mereka jika manual prosidur kerja itu didapati ada masalah, bolehlah ia diperbaharui dan dikemaskinikan," katanya.

-- BERNAMA

ARA NAK